

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]**  
minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL  
PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat meletakkan  
harga siling bagi alat ujian saringan kendiri COVID-19, serta hasil kajian  
harga semasa alat ujian kendiri tersebut.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Dalam membuat penetapan harga kit ujian kendiri Covid-19, Kementerian telah mengadakan sesi libat urus dengan pemegang-pemegang taruh dalam industri kit ujian kendiri Covid-19 termasuk fasiliti farmasi dan klinik. Penelitian dari segi kos pengeluaran dan kos pengimportan telah dibuat dan di analisa.

Kementerian telah menetapkan harga maksimum kit ujian pantas antigen covid-19 (ujian sendiri) bagi borong RM16.00 seunit dan runcit RM19.90 seunit. Penetapan harga maksimum telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 5 September 2021 melalui P.U (A) 348 Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.7) 2021.

Pelaksanaan pemeriksaan serta pemantauan ke atas penjualan kit ujian pantas antigen COVID-19 ini sedang dilaksanakan bermula 5 September 2021. Sehingga 6 September 2021, sebanyak 293 premis telah diperiksa membabitkan 32 premis borong dan 261 premis runcit dan daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 2 amaran dikeluarkan kerana menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.